

UniMAP Ketuai Delegasi Penyelidik Muda Ke Macau – Raih 7 Pingat Emas



Seramai 12 orang penyelidik muda Malaysia di bawah naungan Kelab Rekacipta Muda ENVEX (EYReC) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengharumkan nama Malaysia apabila menempa nama dalam Macau International Innovation & Invention Expo (MIIIE 2014) yang di

adakan di Fisherman's Wharf Convention & Exhibition Centre pada 26-29 Jun 2014 lalu.

Delegasi UniMAP yang diketuai oleh Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Dr. Mukhzeer Mohamad Shahimin berjaya merangkul kemenangan 100% dengan membawa pulang 7 pingat emas dan 5 pingat perak serta beberapa anugerah khas. Kemenangan kali ini juga sangat bermakna apabila seorang saintis muda UniMAP Laila Mardiah Deraman yang diselia oleh Dr Tengku Nuriati Tengku Izhar berjaya meraih anugerah khas Indonesia menerusi produk inovasinya *ACOUSTICAL: Indoor Noise Reduction Panel*.

UniMAP turut memenangi dua daripada tujuh pingat emas hasil penyelidikan pelajar tahun satu Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan Nur Liyana Mohd Tahir serta pelajar daripada Pusat Kecemerlangan Geopolimer dan Teknologi Hijau (CEGeoGTech) iaitu Ainmardina Ahmad Basri.

